Bertarikh 2 Julai 2018  
[PT.Rom. 4/2/0011/2018]

*Pentadbir Tanah  
Rompin*

**No. 1045.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Yahya Khan bin Zainul Abdin yang beralamat di 28 Lorong 6, Jalan Rompin Permai, 26800 Kuala Rompin, Pahang dan/atau G1 Kuarters JBA, Jalan Dato' Ibrahim, 26800 Kuala Rompin, Pahang. Penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada tuan/puan pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Bilik Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Pejabat Tanah Rompin pada 1 Ogos 2018 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Pontian Daerah Rompin. No. P.T.—2488. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2100. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 619/2007.

Bertarikh 2 Julai 2018  
[PT.Rom. 4/2/0010/2018]

*Pentadbir Tanah  
Rompin*

**No. 1046.**

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Tanah Maran, dalam Negeri Pahang.

DI ANTARA

RHB BANK BERHAD (6171-M)

PEMEGANG  
GADAIAN

DAN

NORSIAH BINTI MOHD NOOR

PENGGADAI

Kepada Norsiah binti Mohd Noor (KP. 860721-33-5290) beralamat di 39 Felda Jengka 13, 26420 Bandar Jengka, Pahang dan/atau 15 Lorong TJM 16, Taman Jengka Mahkota, 26420 Bandar Jengka, Pahang.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jual dikeluarkan di atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 23 Julai 2018 ( Isnin) jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Pejabat Daerah dan Tanah Maran, Pahang.

Tuan/puan adalah dikehendaki hadir bagi menunjukkan sebab mengapa Perintah Jual tersebut tidak boleh dibuat. Kegagalan tuan/puan untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan Perintah Jualan Dikeluarkan berdasarkan subseksyen 262(3) Kanun Tanah Negara 1965.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Chenor Daerah Maran. No. Lot—31491. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 20610. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 419/2013. Tarikh 3-4-2013.

Bertarikh 22 Jun 2018  
[PTM. 4-3-0022 (17)]

*Pentadbir Tanah  
Maran*

#### No. 1047.

(Seksyen 257 dan 263)

#### PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Farahanim binti Mohd Yusof, Penolong Pentadbir Tanah Kuantan, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelongan awam, yang akan diadakan pada 25 Julai 2018 (Rabu) jam 10.00 pagi bertempat di Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM460,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Enam Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM383,343.95. Nama Pemegang Gadaian: Malaysia Building Society Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM46,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Enam Ribu sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;

- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
  - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat daripada 21 November 2018 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—76489 (Lot 119948). Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 55754 (P.M. 8626). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 5223/2007. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh Mac 2018  
[PTK. 4.5.1.30/16]

*Penolong Pentadbir Tanah  
Kuantan*

**No. 1048.**

(Seksyen 257 dan 263)

**PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN**

Saya, Mardhiah binti Nor Hashim Shah (KP. 860806-33-5468), Pentadbir Tanah Temerloh, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan cara lelongan awam, yang akan diadakan pada 26 Julai 2018 bersamaan hari Khamis jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh; dan

- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM190,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sembilan Puluh Ribu sahaja).
2. Saya dapat bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM159,736.74. Nama Pemegang Gadaian ialah RHB Bank Berhad, 2, 4 & 6 Aras 2, Jalan Putra Square 1, Putra Square, 25200 Kuantan, Pahang.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu sebanyak RM19,000.00.
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 23 November 2018 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Perak Daerah Temerloh. No. Lot—11584. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 8673. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2608/2014. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 11 Januari 2018  
[PTT. 4/369/26/2017]

*Pentadbir Tanah  
Temerloh*

**No. 1049.**

[Subseksyen 265(3)]

## LELONGAN AWAM YANG KEMUDIAN

Kepada Makmur Tani Sdn. Bhd., dan Arus Setia Sdn. Bhd., yang beralamat di 67 Tingkat 2, Room B, Jalan Ali, 84000 Muar, Johor dan/atau Kampung Pianggu, Endau, 26820 Kuantan, Pahang dan d/a Tetuan Lee Hishammuddin Allen & Gledhill, Level 6, Menara 1, Dutamas, Solaris Dutamas, 1 Jalan Dutamas 1, 50480 Kuala Lumpur, tuan punya tanah/pemegang gadai yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini dimaklumkan yang lelongan awam bagi tanah tersebut yang diadakan pada 22 Februari 2018 telah ditarik balik disebabkan tiada pembida.

Adalah dengan ini diarahkan supaya lelongan awam tanah tersebut diadakan bagi kali kedua pada 2 Ogos 2018 (Khamis) bertempat di Perkarangan Pejabat Tanah Rompin jam 10.00 pagi dengan harga rizab sebanyak RM1,800,000.00.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim	No. P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
H.S.(M)					
Endau Daerah Rompin	1784	1197	Semua Bahagian	-	Perserahan No. 745/2005 Perserahan No. 738/2007 Perserahan No. 88/2008
Endau Daerah Rompin	1785	1198	Semua Bahagian	-	Perserahan No. 744/2005 Perserahan No. 739/2007 Perserahan No. 85/2008

Bertarikh 2 Julai 2018  
[PT.Rom. 4/2/0013/2015;  
PT.Rom. 4/2/0014/2015]

*Pentadbir Tanah  
Rompin*

# WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

19hb Julai 2018]

1169

## No. 1050.

### AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (Akta 486)

(Seksyen 8)

#### PERISYTIHARAN PENGAMBILAN TANAH YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah bagi Pembinaan Saluran Paip ke Projek Perumahan di Genting Highlands, Mukim Bentong, Daerah Bentong, Pahang di bawah Perenggan 3(1)(c) Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT).

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

#### JADUAL

Daerah—Bentong. Mukim—Bentong.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	H.S.(D)		Meter Persegi	Ekar/Meter Persegi
P.T. 2049/36	2014	Genting Highlands Berhad— 1/1 bhg.	392545.032 (97 ekar)	2,404/9/ 9,729
P.T. 2048/35	2013	Genting Highlands Berhad— 1/1 bhg.	522044.424 (129 ekar)	0.596/ 2,412

Bertarikh 12 Jun 2018  
[PT.Btg. PBT/GALERI/01/B/2017]

DATO' NAZRI BIN ABU BAKAR  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Pahang*

## No. 1051.

(Seksyen 8)

#### PERISYTIHARAN PENGAMBILAN TANAH YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah Seluas 6.0000 hektar (14.8263 ekar) untuk Tapak Pencawang Masuk Utama 132KV di Blue Valley Mukim Ulu Telom, Daerah Cameron Highlands, Pahang di bawah Perenggan 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT).

# WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

1170

[19hb Julai 2018]

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa dalam masa waktu-waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

## JADUAL

### Mukim—Ulu Telom.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
	H.S.(D)		Hektar	Hektar
P.T. 2175	3541	Blue Valley Plantation Berhad— 1/1 bhg.	54.129	6.0000 (14.8263 ekar)

Bertarikh 21 Jun 2018  
[PTCH/P/14/001/2016/UT]

DATO' NAZRI BIN ABU BAKAR  
*Pengarah Tanah dan Galian  
Pahang*

## AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984 (Akta 313)

## NATIONAL FORESTRY ACT 1984 (Act 313)

**No. 1052.**

### PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 7 NOTIFICATION UNDER SECTION 7

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 7 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan tanah seluas 60.79 hektar yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.W. 5327 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi Hutan Simpan Kekal (Tambahan) dikenali sebagai Hutan Simpan Balok (Tambahan), Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan mulai dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by Section 7 of the National Forestry Act 1984 [Act 313], the State Authority declares that the land comprising an area of 60.79 hectares as delineated upon Survey Plan No. P.W. 5327, deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang to be permanent Forest Reserved to be known as Balok Forest Reserve (Additional), Mukim of Sungai Karang, District of Kuantan with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Bertarikh 29 Jun 2018

Dated 29 June 2018  
[PTG.Phg.(ML).16/015/09/49.2011]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA  
BIN SYED ABDUL RAHMAN  
*Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Pahang/  
Clerk of Council  
State of Pahang*

No. 1053.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SEKSYEN 13

NOTIFICATION UNDER SECTION 13

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan tanah seluas 60.54 hektar yang dikenali sebagai Lot 38263, Mukim Keratong, Daerah Rompin yang ditandakan di atas Pelan Ukur No. P.A. 283408 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang menjadi sebahagian daripada Hutan Simpan Bukit Ibam dikeluarkan daripada Hutan Simpan Kekal tersebut dan bahawa tanah itu tidak lagi menjadi Hutan Simpan Kekal mulai dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by Section 13 of the National Forestry Act 1984 [Act 313], the State Authority declares that the land measuring an area of 60.54 hectares known as Lot 38263, Mukim of Keratong, District of Rompin as delineated upon Survey Plan No. P.A. 283408 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping of Pahang which is forming part of Bukit Ibam Forest Reserved be Excised from the said Permanent Forest Reserve with effect from the date of publication of this notification in the *Gazette*.

Bertarikh 29 Jun 2018

Dated 29 June 2018

[PTG.Phg.(ML).16/015/09/49.2011]

SYED AHMAD KHIRULANWAR ALYAHYA

BIN SYED ABDUL RAHMAN

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Pahang/*

*Clerk of Council*

*State of Pahang*

**NOTIS-NOTIS AM****No. 1054.****KANUN TANAH NEGARA**

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

**NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN**

Kepada Abdul Muariff Tajuddin bin Abdul Mutalib yang beralamat 25 Lorong Seri Setali 69, Taman Tunas Jaya, 25300 Kuantan, Pahang. Penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan gagal membayar kepada penerima gadaian berjumlah RM97,273.00 setakat 31-12-2017 walaupun beberapa peringatan dari penerima gadaian, Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat: 787435-M) beralamat di Tingkat 15, Tower A, Dataran Maybank, 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur dan mempunyai cawangan di A6626 Tingkat 1 & 2, Jalan Beserah, 25250 Kuantan, Pahang.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh notis ini.

Kami, sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, kami akan memohon suatu perintah jual.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
G.M.					
Sungai Karang Daerah Kuantan	2017	2566	Semua	Tiada	No. Perserahan 6304/2011 Tarikh: 28-7-2011

(Satu (1) Hakmilik sahaja)

Bertarikh 29 Januari 2018

Bagi pihak Maybank Islamic Berhad  
(No. Syarikat: 787435-M)

*Tandatangan (atau lain-lain cara  
penyempurnaan oleh atau bagi  
pihak Pemegang Gadaian oleh  
Pewakilnya)*

# WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

19hb Julai 2018]

1173

No. 1055.

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

### NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAIN

Kepada Kong Why Sing yang beralamat di 36 Lorong Seri Kuantan 63, 25250 Kuantan, Pahang dan/atau B-294 First Floor, Jalan Dato' Lim Hoe Lek, 25200 Kuantan, Pahang dan Lee Mui Tuan beralamat di 36 Lorong Seri Kuantan 63, 25250 Kuantan, Pahang dan/atau B-294 First Floor, Jalan Dato' Lim Hoe Lek, 25200 Kuantan, Pahang. Penggadai-penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Bahwasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan gagal membayar kepada penerima gadaian baki jumlah Pinjaman Perumahan (A/C No. 406016124090) berjumlah RM77,020.09 setakat 28-2-2018 berserta faedah pada kadar 0.1% setahun di bawah Kadar Pinjaman Asas iaitu 6.9% (tertakluk kepada perubahan) setahun pada masa kini dengan kiraan harian yang dikira dari 1-3-2018 dan faedah penalti pada kadar 1% setahun dengan kiraan harian di atas baki tunggakan dengan kadar minima sebanyak RM5.00 sebulan dan baki jumlah Pinjaman Overdraft (A/C No. 506016115406) berjumlah RM155,810.88 setakat 28-2-2018 bersama faedah pada kadar 1.35% setahun di atas Kadar Asas iaitu 3.25% (tertakluk kepada perubahan) setahun pada masa kini dengan kiraan harian yang dikira dari 1-3-2018 dan faedah penalti pada kadar 1% setahun dengan kiraan harian di atas baki tunggakan dengan kadar minima sebanyak RM5.00 sebulan dan baki jumlah keseluruhan bagi kedua-dua pinjaman tersebut adalah RM232,830.97 setakat 28-2-2018, walaupun beberapa peringatan dari penerima gadaian, Malayan Banking Berhad (No. Syarikat: 3813-K) beralamat di Tingkat 14, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur dan mempunyai cawangan di A6626 Tingkat 1 & 2, Jalan Beserah, 25250 Kuantan, Pahang.

Dan bahwasanya pelanggaran itu telah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh notis ini.

Kami, sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan sila ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, kami akan memohon suatu Perintah Jualan.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
Kuala Kuantan	96	9922	Semua	Tiada	No. Perserahan 11020/2006
Daerah Kuantan	37	Seksyen	G.M.		Tarikh 22-12-2006

(Satu (1) Hakmilik sahaja)

Bertarikh 14 Mac 2018

Bagi pihak Malayan Banking Berhad  
(No. Syarikat: 3813-K)  
*Tandatangan (atau lain-lain cara  
penyempurnaan oleh atau bagi  
pihak pemegang gadaian oleh  
pewakilnya)*

**No. 1056.****KANUN TANAH NEGARA**

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

**NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN**

Kepada Wan Muhammad Razlan bin Wan Abdul Razak yang beralamat di 11 Lorong Pelindungan Perdana 5, Taman Beserah Bayu, 26100 Kuantan, Pahang dan/atau Markas Tentera Udara, Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur dan Rosnani binti Yaakob beralamat di 11 Lorong Pelindung Perdana 5, Taman Beserah Bayu, 26100 Kuantan, Pahang dan/atau 2/1395 Kampung Baru, 26100 Beserah, Pahang. Penggadai-penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan gagal membayar kepada penerima gadaian berjumlah RM312,469.72 setakat 31-8-2017 walaupun beberapa peringatan dari penerima gadaian, Affin Islamic Bank Berhad (No. Syarikat: 709506-V) yang beralamat di Tingkat 7, Menara Affin, 80 Jalan Raja Chulan, 50250 Kuala Lumpur.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh notis ini.

Kami, sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan sila ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, kami akan memohon suatu Perintah Jualan.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
G.M.					
Beserah	5494	1519	Semua	Tiada	No. Perserahan 1138/2009
Daerah Kuantan					Tarikh 17-2-2009

(Satu (1) Hakmilik sahaja)

Bertarikh 31 Oktober 2017

Bagi pihak AFFIN ISLAMIC  
BANK BERHAD(No. Syarikat: 709506-V)  
*Tandatangan (atau lain-lain cara  
penyempurnaan oleh atau bagi  
pihak pemegang gadaian oleh  
pewakilnya)*NURSHUHAIDA BINTI Bahrin  
(BC/N/1534)  
820605-06-5418*Peguamcara dan Peguambela  
Kuantan*

**No. 1057.****KANUN TANAH NEGARA**

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

**NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN**

Kepada Sabariah binti Mohamad Sayuti yang beralamat di 55 Lorong Bukit Ubi 12, Taman Sekilau, 25200 Kuantan, Pahang dan/atau E 1916 Jalan Sepat, Kampung Jawa, 25200 Kuantan, Pahang dan/atau RM 109 Blok B, Perkampungan Cenderawasih, 25200 Kuantan, Pahang. Penggadai-penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan gagal membayar baki jumlah Pembentangan Perumahan (Akaun No. 456011941159) berjumlah RM157,746.76 setakat 28-2-2018 dan membayar baki jumlah Pembentangan Perumahan (Akaun No. 456011119068) berjumlah RM219,252.88 setakat 28-2-2018 dan baki jumlah keseluruhan bagi kedua-dua pembentangan tersebut adalah RM376,999.64 setakat 28-2-2018, walaupun beberapa peringatan dari penerima gadaian, MAYBANK ISLAMIC BERHAD (NO. SYKT: 787435-M) beralamat di Tingkat 15, Tower A, Dataran Maybank, 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur dan mempunyai cawangan di A6626, Tingkat 1 dan 2, Jalan Beserah, 25250 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh notis ini.

Kami, sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan sila ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, kami akan memohon suatu Perintah Jualan.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
Bandar Kuantan	478	4436 (H.S.(M))	Semua Bahagian	Tiada	No. Perserahan 5597/2003 Tarikh 7-8-2003
Kuala Kuantan	32 (P.T.)	47556)			
Daerah Kuantan	59090)				No. Perserahan 2539/2011 Tarikh 25-3-2011

(Satu (1) Hakmilik sahaja)

Bertarikh 9 Mac 2018

Bagi pihak Maybank Islamic Berhad  
(No. Syarikat: 787435-M)  
*Tandatangan (atau lain-lain cara  
penyempurnaan oleh atau bagi  
pihak pemegang gadaian oleh  
pewakilnya)*

**No. 1058.****KANUN TANAH NEGARA**

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

**NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN**

Kepada Mohd Hasrizam bin Ab Manan yang beralamat 22 Lorong Air Putih 102, Taman Air Putih Jaya, 25300 Kuantan, Pahang dan/atau 22 Lorong IS 34, Taman Indera Sempurna, 25150 Kuantan, Pahang dan/atau 7 Lorong Seri Damai Perdana 14, Taman Impian Perdana, 25150 Kuantan, Pahang dan Siti Fatehah binti Jamal yang beralamat 22 Lorong Air Putih 102, Taman Air Putih Jaya, 25300 Kuantan, Pahang dan/atau 7 Lorong Seri Damai Perdana 14, Taman Impian Perdana, 25150 Kuantan, Pahang. Penggadai-penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan Gadaian ini dengan gagal membayar kepada Penerima Gadaian berjumlah RM231,431.59 setakat 30-11-2017 walaupun beberapa peringatan dari Penerima Gadaian, Maybank Islamic Berhad (No. Syarikat: 787435-M) beralamat di Tingkat 15, Tower A, Dataran Maybank, 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur dan mempunyai cawangan di A6626 Tingkat 1 & 2, Jalan Beserah, 25250 Kuantan, Pahang.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh notis ini.

Kami, sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan sila ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, kami akan memohon suatu Perintah Jualan.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
G.M.					
Kuala Kuantan	109598	22601	Semua	Tiada	No. Perserahan 5524/2014 Tarikh 18-7-2014
Daerah Kuantan					

(Satu (1) Hakmilik sahaja)

Bertarikh 13 Disember 2017

Bagi pihak Maybank Islamic Berhad  
(No. Syarikat: 787435-M)*Tandatangan (atau lain-lain cara  
penyempurnaan oleh atau bagi  
pihak pemegang gadaian oleh  
pewakilnya)*

# WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

19hb Julai 2018]

1177

No. 1059.

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

### NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAIN

Kepada Haminizar binti Hamid yang beralamat 1-3811 Restoran Zaman, KM 14, Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang. Penggadai-penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan Gadaian ini dengan gagal membayar baki jumlah Pinjaman sejumlah RM235,771.71 setakat 30-11-2017 berserta faedah pada kadar 2% setahun di bawah Kadar Pinjaman Asas iaitu 6.65% (tertakluk kepada perubahan) setahun dengan kiraan harian yang dikira dari 1-12-2017 dan faedah penalti pada kadar 1% setahun dengan kiraan harian diatas baki tunggakan dengan kadar minima sebanyak RM5.00 sebulan, walaupun beberapa peringatan dari.

Penerima Gadaian, MALAYAN BANKING BERHAD (NO. SYKT: 3813-K) beralamat di Tingkat 14, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur dan mempunyai cawangan di A6626 Tingkat 1 & 2, Jalan Beserah, 25250 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan bagi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh notis ini.

Kami, sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan sila ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, kami akan memohon suatu Perintah Jualan.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
G.M.					

Kuala Kuantan	1560	10570	Kesemua	Tiada	No. Perserahan 10207/2010
Daerah Kuantan					Tarikh 16-11-2010

(Satu (1) Hakmilik sahaja)

Bertarikh 12 Januari 2018

Bagi pihak Malayan Banking Berhad  
(No. Syarikat: 3813-K)

*Tandatangan (atau lain-lain cara  
penyempurnaan oleh atau bagi  
pihak pemegang gadaian oleh  
pewakilnya)*

Hakecipta Pencetak **(H)**

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semu hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA